

4 kampus baru AUCMS

Metro 23/6/12 MS 60

Cawangan di Butterworth, Jalan Macalister tumpu pengajian bukan perubatan

>>Oleh Zulfa Mohamad
am@hmetro.com.my

SELAIN kampus induk di Kepala Batas, Pulau Pinang, Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS) kini mempunyai empat lagi kampus cawangan bagi memudahkan pelajar terutama di kawasan utara.

Universiti berkenaan dibuka pada 2002 bakal mempunyai kampus cawangan di Butterworth, Jalan Macalister di bahagian pulau, Kulim, Kedah serta Kangar, Perlis.

Jika kampus induk Kepala Batas memberi fokus kepada pengajian perubatan termasuk program Foundation in Medical Studies dan Ijazah Perubatan (MD-AUCMS), kampus cawangan Butterworth dan Jalan Macalister, Pulau Pinang akan menjadi tumpuan pengajian bukan perubatan.

Serentak itu juga, jumlah pelajar mengikuti pelbagai bidang pengajian di universiti berkenaan dijangka meningkat kepada 6,000 orang di kampus induk Kepala Batas.

Kampus di Kangar, Perlis bakal menempatkan 5,000 pelajar dengan tambahan 2,000 lagi selepas semua kemudahan siap menjelang 2013 manakala 2,000 pelajar



SELESA...persekitaran kampus AUCMS selesai dan ceria, pelajar dapat memberi tumpuan terhadap pembelajaran.



“Penyertaan pelajar antarabangsa membolehkan mereka berkongsi pengalaman dengan pelajar tempatan dan ia penting dalam usaha untuk melahirkan graduan bertaraf dunia”

>Datuk Dr Zainuddin Wazir

2013 manakala 2,000 pelajar lagi di kampus Kulim Hi-Tech, Kulim, Kedah.

Pengambilan pelajar di kampus Kulim Hi-Tech dijangka meningkat antara 3,000 dan 5,000 orang apabila semua kemudahan siap sebelum 2015.

AUCMS juga merancang membuka kampus cawangan di setiap negeri di seluruh negara selain kampus sedia ada di Pulau Pinang, Perlis dan Kedah.

Presiden AUCMS, Datuk Dr Zainuddin Wazir berkata, pihaknya sedang menunggu kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi untuk membuka Pusat Pengajian Pergigian di Butterworth dan Pusat Pengajian Perniagaan peringkat diploma di Pulau Pinang.

Katanya, kampus cawangan Kulim akan turut menawarkan program ijazah perubatan yang dilaksanakan secara berkembar dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

“Selepas ini, program pengajian bukan perubatan



TIMBA ILMU...tenaga pengajar berpengalaman mengajar di AUCMS.

akan tertumpu di bahagian pulau manakala program perubatan di Seberang Prai,” katanya.

Selain program perubatan yang menjadi program teras, AUCMS kini membuka

peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti pengajian bukan perubatan seperti Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pengurusan Perniagaan, Pe-

masaran dan Akauntan.

Penawaran program berkenaan selepas mengambil kira keperluan tenaga kerja mahir ketika ini selain potensi perkembangan ekonomi negara masa depan yang memerlukan

kan ‘pemain’ berkemahiran tinggi.

Dr Zainuddin berkata, selain membuka lebih banyak kampus cawangan dalam negara, pihaknya turut ‘mengintai’ peluang untuk membuka kampus di Sarawak selain negara jiran seperti Vietnam dan Myanmar.

Menurutnya, pihaknya kini dalam proses perbincangan awal dengan dua negara jiran terbabit dalam usaha meluaskan operasi AUCMS di negara berkenaan selain mengadakan pameran bergerak di negara jiran lain termasuk Thailand dan Indonesia.

“Selain membuka lebih banyak kampus cawangan, kami juga menyasarkan pelajar antarabangsa bermula hujung tahun ini terutama bagi mengikuti program Ijazah Perubatan MD-AUCMS.

“Penyertaan pelajar antarabangsa membolehkan mereka berkongsi pengalaman dengan pelajar tempatan dan ia penting dalam usaha untuk

melahirkan graduan bertaraf dunia,” katanya.

Mengenai corak pengajian, AUCMS sangat menitikberatkan aspek teori dan praktikal terutama program perubatan, malah peluang menjalani latihan praktikal lebih terbuka di universiti berkenaan berbanding sesetengah universiti luar negara.

Dr Zainuddin berkata, pihaknya mementingkan latihan praktikal serta teori supaya pelajar ‘berfungsi’ dengan berkesan dalam dunia pekerjaan sebenar.

Sehubungan itu, pelajar digalakkan aktif dalam bidang kokurikulum seperti seni, muzik dan lakonan kerana ia mampu membina keyakinan dalam diri pelajar sebelum berdepan dunia sebenar.

“Apa yang menarik, pelajar yang aktif dalam kokurikulum serta mempunyai bakat tertentu berpeluang mengubah status pinjaman mereka kepada biasiswa jika meraih keputusan cemerlang,” katanya.